

**PERJANJIAN PENYELESAIAN DAN PENGHAKIMAN PERSETUJUAN DALAM KES  
SULH DI MAHKAMAH SYARIAH: KAJIAN AMALAN, ISU DAN ANALISIS KES**

***SETTLEMENT AGREEMENTS AND CONSENT JUDGMENTS IN SULH CASES IN SYARIAH  
COURTS: THE STUDY ON PRACTICES, ISSUES AND CASE ANALYSIS***

<sup>i,\*</sup>Hendun Abd Rahman Shah, <sup>ii</sup>Norfadhilah binti Mohamad Ali and <sup>iii</sup>Hanis Syahirah binti Mohd Zulkefli, <sup>iv</sup>Yasmin binti Ramli, <sup>v</sup>Intan Shafinaz binti Mohammadi, <sup>vi</sup>Nurul Izzati binti Kholdun & <sup>vii</sup>Aina Zafirah binti Azmi

<sup>i, ii, iii, iv, v, vi, vii</sup> Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [hendun@usim.edu.my](mailto:hendun@usim.edu.my)

**ABSTRACT**

The resolution through amicable settlement or "*sulh*" is highly encouraged in Islam, and its practice is currently being expanded within the Syariah Courts in Malaysia as a means of resolving disputes between parties without involving complicated and burdensome court procedures. *Sulh* provides parties the opportunity to discuss matters more freely and openly without being bound by strict legal regulations. The principle of voluntariness is the most crucial element emphasized in the *sulh* process, requiring that parties voluntarily attend without coercion and subsequently reach a mutual agreement without third-party intervention. However, situations may arise where parties violate the settlement agreement that has been agreed upon and signed during the *sulh* session. Recorded consent judgments have also been challenged through appeals and reviews. Therefore, this article examines the practices surrounding the registration of settlement agreements and the process of recording consent judgments. Additionally, this study discusses issues arising from the recorded settlement agreements and consent judgments by the court and analyzes relevant legal cases. The methodology of this study employs qualitative research through library research, analyzing legal provisions and journal articles, as well as conducting interviews with a respondent; a *sulh* officer from the Syariah court. This study suggests that a *sulh* settlement agreement does not bind the parties until a consent judgment is recorded by the competent Syariah Court. Furthermore, best practices and prescribed rules must be adhered to in order to avoid dissatisfaction and challenges from affected parties.

**Keywords:** *Sulh, Settlement Agreement, Consent Judgment, Civil Procedure Rule (Sulh)*

## ABSTRAK

Penyelesaian secara damai atau *sulh* adalah sangat dianjurkan dalam Islam dan amalannya kini diperluaskan di Mahkamah Syariah di Malaysia sebagai salah satu penyelesaian pertikaian pihak-pihak tanpa melibatkan prosedur Mahkamah yang rumit. *Sulh* menawarkan pihak-pihak untuk berbincang dengan lebih bebas dan terbuka tanpa terikat dengan undang-undang yang ketat. Prinsip kerelaan adalah elemen terpenting dan amat dititikberatkan dalam proses *sulh* yang mana pihak-pihak perlu hadir dengan sukarela tanpa paksaan dan kemudian mencapai persetujuan bersama tanpa campur tangan pihak ketiga. Walaupun begitu, ada situasi terjadi dimana pihak-pihak melanggar Perjanjian Penyelesaian yang telah dipersetujui dan yang telah ditandatangani di akhir Majlis *Sulh*. Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan juga telah dicabar melalui rayuan serta semakan. Oleh itu, artikel ini mengkaji berkenaan amalan penderafan Perjanjian Penyelesaian dan proses merekodkan Penghakiman Persetujuan. Selain daripada itu, kajian ini juga membincangkan isu-isu yang berbangkit dari Perjanjian Penyelesaian dan Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan oleh Mahkamah serta membuat analisis terhadap kes-kes undang-undang. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kajian secara kualitatif dengan mengguna pakai kajian perpustakaan dengan menganalisa peruntukan undang-undang dan artikel jurnal serta temu bual bersama seorang responden; pegawai *sulh* mahkamah syariah. Kajian ini mencadangkan bahawa Perjanjian Penyelesaian *sulh* tidak mengikat pihak-pihak sehingga Penghakiman Persetujuan direkodkan oleh Mahkamah Syariah berbidangkuasa. Selain daripada itu, amalan terbaik dan kaedah-kaedah yang diperuntukkan harus dipatuhi bagi mengelakkan ketidakpuasan hati dan dicabar oleh pihak-pihak yang terkesan.

**Kata Kunci:** *Sulh, Perjanjian Penyelesaian, Penghakiman Persetujuan, Kaedah Tatacara mal (Sulh)*

### Pendahuluan

*Sulh* adalah konsep penyelesaian pertikaian dalam Islam yang menggalakkan keamanan dan keharmonian (Mohammad Nor Anwar & Nor 'Adha, 2021). *Sulh* adalah satu bentuk perdamaian dan penyelesaian yang dianggap sebagai bentuk resolusi terbaik dalam Al-Quran. Allah Taala berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud "*Perdamaian itu lebih baik*" (An-Nisa', 4:128). Allah Taala juga berfirman yang bermaksud "*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat ma'ruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. dan barangsiapa yang berbuat demikian Karena mencari keredhaan Allah, Maka kelak kami memberi kepadanya pahala yang besar.*" (An-Nisa', 4:114). Oleh itu, melaksanakan *sulh* bukan sahaja dapat menyelesaikan tuntutan malah juga mendapat ganjaran pahala kerana melaksanakan saranan Allah s.w.t. Dalam ayat ini juga, jelas bahawa *sulh* adalah sebaik-baik akhlak.

*Sulh* dalam konteks amalan guaman syarie di Malaysia pula merujuk kepada satu proses di mana pihak-pihak yang terlibat di dalam satu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah dipanggil dan dipertemukan di dalam satu majlis terpimpin secara rasmi (JKSNPP, 2021). Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah ada memperuntukkan bahawa pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan *sulh* untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak. Merujuk kepada Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Terengganu 2014 "*sulh*" diertikan sebagai perundingan, persetujuan dan penyelesaian kes antara pihak-pihak dalam Majlis *Sulh*. Majlis *Sulh* pula diertikan sebagai suatu sesi pengantaraan antara pihak-pihak yang dipengerusikan oleh pegawai *Sulh* untuk menyelesaikan kes dengan cara *sulh* di tempat yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Prinsip kerelaan amatlah ditekankan di dalam *sulh* adalah sukarela yang mana pihak-pihak yang bertikai. Sekiranya pihak-pihak hadir ke Majlis *Sulh* dan mengikuti setiap proses di dalam majlis tersebut, maka satu persetujuan akan dicapai sama ada persetujuan itu mampu menyelesaikan secara sepenuhnya pertikaian atau sebahagian sahaja persetujuan dipersetujui, persetujuan itu akan diderafkan oleh Pegawai *Sulh* atau peguam untuk ditandatangani dan seterusnya dibawa ke hadapan hakim untuk disahkan dan dijadikan sebagai perintah yang mengikat kedua-dua belah pihak untuk melaksanakan persetujuan yang dicapai. (Hammad & Mohamad Azhan, 2016). Namun begitu, timbul juga

permasalahan apabila pihak-pihak ingin menarik balik Perjanjian Penyelesaian atau melanggar Penghakiman Persetujuan yang telah direkodkan di hadapan Hakim.

Asasnya, selepas pihak-pihak dalam pertikaian memeterai perjanjian sama ada secara lisan atau bertulis berhubung perkara yang menjadi tuntutan di dalam proses *sulh*, maka perjanjian tersebut telah berkuatkuasa dan tidak ada pihak-pihak yang boleh membatalkan persetujuan yang telah dicapai melainkan kedua-dua pihak yang secara sukarela dan bersetuju untuk membatalkannya (Raihanah, 2008). Malahan Islam juga menuntut penganutnya agar sentiasa berpegang kepada janji yang telah dibuat. Tuntutan ini berdasarkan ayat-ayat al-quran seperti yang berikut:

*"dan penuhilah janji; sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya (Al-Isra', 17: 34).*

*"dan penuhilah janji Allah (Al-An'am, 6:152).*

*"(yaitu) orang-orang yang memenuhi janji Allah dan tidak merosak perjanjian (Ar-Ra'du, 13:20)*

Hadis nabi juga ada memberi peringatan untuk tidak memungkir janji dan sesiapa yang memungkir janji diancam menjadi munafik. Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda yang bermaksud;

*Dari 'Abdullah bin 'Amr radhiyallahu 'anhuma, dari Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam, beliau bersabda, "Ada empat tanda seseorang disebut munafik. Jika salah satu perangai itu ada, ia berarti punya watak munafik sampai ia meninggalkannya. Empat hal itu adalah: (1) jika berkata, berdusta; (2) jika berjanji, tidak menepati; (3) jika berdebat, ia berpaling dari kebenaran; (4) jika membuat perjanjian, ia melanggar perjanjian (mengkhianati)" ( HR. Bukhari, no. 2459, 3178 dan Muslim, no. 58).*

Secara dasarnya, Islam mengiktiraf perjanjian yang dibuat dan pihak-pihak dituntut untuk mematuhi perjanjian yang telah disepakati antara pihak-pihak walaupun secara lisan. Bagaimana pula dengan praktis di dalam kes-kes sulh di Mahkamah Syariah di Malaysia? Artikel ini akan menjawab berkenaan amalan serta kaedah yang harus dipatuhi di dalam Perjanjian Penyelesaian dan Penghakiman Persetujuan bagi kes-kes sulh di Mahkamah Syariah di Malaysia.

## Metodologi

Artikel ini mengguna pakai kajian kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan menganalisis data yang tidak melibatkan angka dan nombor seperti teks, video atau audio. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temu bual. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul dan mengenal pasti bahan bacaan yang berkaitan dengan isu yang diketengahkan di dalam artikel ini seperti Akta, Enakmen, Kaedah-Kaedah, jurnal, artikel, kertas prosiding, buku-buku, manual proses sulh dan kes undang-undang. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti data-data berkaitan penderafan Perjanjian Persetujuan dan seterusnya proses merekodkan Penghakiman Persetujuan serta peruntukan undang-undang di Mahkamah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia. Data-data yang diperolehi akan dikritik untuk mengemukakan hasil dapatan kajian.

Sebagai tambah nilai kepada kajian ini, kaedah temu bual turut digunakan untuk mengumpul pandangan mendalam mengenai masalah atau menjana idea-idea baru untuk penyelidikan. Satu temubual telah diadakan melalui platform Google Meet Bersama Pegawai Sulh untuk mendapatkan data-data umum berkaitan proses pelaksanaan perjanjian sulh dan Penghakiman Persetujuan bagi kes-kes sulh.

## Perbincangan

### *Kaedah Dan Amalan Penderafan Perjanjian Persetujuan Bagi Kes Sulh*

#### A. Peruntukan Undang-Undang Berkenaan Dengan Perjanjian Persetujuan *Sulh*

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, penderafan merujuk kepada satu proses atau perbuatan mendraf atau menyediakan draf kerja. Penderafan perintah perjanjian persetujuan pula merujuk kepada satu proses awal mendraf satu perjanjian persetujuan *sulh* yang telah mencapai satu keputusan atau persepakatan dalam satu tuntutan semasa Majlis *Sulh* dijalankan. Draf perjanjian persetujuan tersebut akan diendorskan kepada hakim di Mahkamah Syariah bagi dijadikan sebagai perintah perjanjian persetujuan *sulh*.

Merujuk kepada Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 dan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006, memperuntukkan mengenai perintah perjanjian persetujuan *sulh* telah menyatakan bahawa jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi Majlis *Sulh* hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakan kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan. Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah Seksyen 88 Enakmen.

Penulis mengepilkan bersama Deraf Perjanjian Persetujuan ketika Majlis *Sulh* seperti berikut:-

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU DI KUALA TERENGGANU DI NEGERI TERENGGANU	
KES MAL NO : 2404-H0211-231-██████████ NO SULH : 2404-H0211-231-██████████	
██████████ No KP : ██████████	ANTARA Plaintif
██████████ No KP : ██████████	DENGAN Defendan
Di hadapan	
[[Tuan Ahmad Amir Mustaqim Bin Ahmad Kusaini, PJK]] PEGAWAI SULH MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KUALA TERENGGANU Terengganu Pada 20 Zulkaedah 1445H bersamaan 29 Mei 2024	
PERJANJIAN PENYELESAIAN	
TUNTUTAN HADHANAH : Persetujuan Bersama	
1. Atas Persetujuan Bersama Plaintif dan Defendan bahawa Hak Jagaan bagi DUA (2) orang anak iaitu :	
1.1 Nama : ██████████ No Daftar Kelahiran : ██████████ No KP : ██████████ Tarikh Lahir : ██████████	
1.2 Nama : ██████████ No Daftar Kelahiran : ██████████ No KP : ██████████ Tarikh Lahir : ██████████	
(Selepas ini disebut 'Anak-Anak Tersebut')	
diberikan kepada Plaintif, ██████████, No KP : ██████████ selaku ibu kandung.	
2. Atas Persetujuan Bersama Plaintif dan Defendan bahawa Defendan, ██████████, No KP : ██████████ diberikan hak untuk melawat dan membawa keluar Anak-Anak Tersebut pada bila-bila masa yang sesuai dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Plaintif serta tidak menjejaskan kebajikan dan waktu persekolahan Anak-Anak Tersebut. Penentuan tarikh dan masa untuk mengambil dan menghantar Anak-Anak Tersebut berdasarkan perbincangan semasa diantara Plaintif dan Defendan.	
3. Atas Persetujuan Bersama Plaintif dan Defendan bahawa Defendan, ██████████, No KP : ██████████ diberikan hak untuk bersama Anak-Anak Tersebut pada waktu-waktu kematian, keraian atau kecemasan Defendan dan ahli keluarga terdekat Defendan dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Plaintif.	

PERJANJIAN PENYELESAIAN DAN PENGHAKIMAN PERSETUJUAN DALAM KES SULH DI MAHKAMAH SYARIAH:  
KAJIAN AMALAN, ISU DAN ANALISIS KES

----- PERJANJIAN TAMAT -----

BAGI MENYAKSIKAN PERJANJIAN PENYELESAIAN ini, kedua-dua pihak mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami kandungan PERJANJIAN PENYELESAIAN ini dan dengan ini kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh seperti tercatat di bawah ini.

Ditandatangani oleh Plaintiff :

..... }  
No K/P : [REDACTED]  
Pada : 29 Mei 2024

Ditandatangani oleh Defendan :

..... }  
No K/P : [REDACTED]  
Pada : 29 Mei 2024

Di hadapan : AHMAD AMIR  
MUSTAQIM BIN  
AHMAD KUSAINI

..... }  
2024.06.04  
[Tuan Ahmad Amir Mustaqim Bin  
Ahmad Kusaini, PJK]  
PEGAWAI SULH  
MAHKAMAH TINGGI  
SYARIAH KUALA TERENGGANU  
Pada : 29 Mei 2024

Dalam Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015, mengenai penyeragaman proses kerja dan carta alir sulh di JKSN/MSN seluruh Malaysia turut menyatakan mengenai carta alir bagi proses *sulh* yang dijalankan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Dalam arahan amalan tersebut telah menjelaskan bahawa sekiranya proses *sulh* telah mencapai kejayaan dalam mendapatkan persepakatan antara pihak-pihak, maka Pegawai *Sulh* hendaklah menyediakan Deraf Perjanjian Penyelesaian dan deraf tersebut hendaklah diserahkan sesalinan kepada pihak-pihak untuk disemak dan ditandatangani sebelum mendapatkan tarikh untuk direkodkan perjanjian penyelesaian tersebut di Mahkamah Syariah. Pihak-pihak di dalam Majlis *Sulh* wajib hadir dan faham isi kandungan Majlis pengaruh di dalam sebarang keputusan boleh menjadikan keputusan Majlis *Sulh* tidak mengikat (Siti Noraini & Zulkifli, 2006).

Tambahan lagi, dalam Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 3 Tahun 2002, menyatakan bahawasanya hendaklah dengan seberapa segera, tidak melebihi 21 hari dirujuk kepada Pengerusi. Majlis *Sulh* hendaklah memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk sesi *sulh* penyelesaian damai, sebarang persetujuan yang telah dicapai hendaklah dicatatkan dan dibacakan semula di hadapan pihak-pihak yang terlibat dan dipanjangkan terus kepada hakim di Mahkamah Syariah untuk direkodkan perintah persetujuan bersama.

Manual Kerja *Sulh* Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) juga telah digubal untuk digunapakai dan dipatuhi oleh semua Pegawai *Sulh*. Antara objektif manual kerja ini ialah bertujuan untuk memperjelas dan menyeragamkan prosedur yang perlu diikuti oleh semua Pegawai *Sulh* dalam mengendalikan Majlis *Sulh* (Siti Noraini & Zulkifli, 2006). Dalam Bab 3 Manual Kerja *Sulh*, gerak kerja Pegawai *Sulh* diperincikan secara jelas. Ini adalah penting kerana tindakan dan gerak kerja seorang Pegawai *Sulh* akan memberi impak kepada keputusan yang dilakukan oleh pihak-pihak, justeru akan menjadikan penderafan lebih efisien. Pegawai *Sulh* mestilah menggariskan peraturan *sulh* yang mesti dipatuhi oleh pihak-pihak, mengawal keadaan, memastikan perjalanan Majlis *Sulh* dilakukan dengan teliti dan menurut carta alir seperti yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tatacara (Mal) *Sulh* (Kaedah 1 - Kaedah 9) dan Manual Kerja *Sulh* (Bab 3-Bab 10).

Berdasarkan kepada beberapa peruntukan undang-undang yang telah dinyatakan, dapat difahami bahawa kebanyakan sebilangan Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai amalan atau kaedah *sulh* yang hampir serupa yang digunapakai sewaktu mengendalikan Majlis *Sulh* di Mahkamah Syariah berkaitan dengan amalan penderafan perjanjian *sulh* (Nur Khalidah, Mohd Rizal, Mohd Abdul Hamid, & Noor Inayah, 2017). Dengan wujudnya peruntukan undang-undang dan arahan amalan yang dijadikan panduan oleh Pegawai *Sulh* telah menjadikan proses pengendalian *sulh* di Mahkamah Syariah di Malaysia menjadi semakin teratur.

## **B. Perbandingan Amalan Penderafan Perjanjian Persetujuan *Sulh* Dengan Mediasi**

Proses *sulh* dan mediasi merupakan satu bentuk proses jalan penyelesaian yang digunakan dengan rancak pada masa kini lebih-lebih lagi proses *sulh* dan mediasi yang dijadikan sebagai satu jalan alternatif bagi memudahkan pihak-pihak dalam menyelesaikan persengketaan yang dituntut. Malah proses *sulh* dan mediasi ini juga mampu mempercepatkan jalan penyelesaian berbanding membawa kes yang hendak dituntut untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah. Oleh hal yang demikian, kaedah penyelesaian alternatif ini sama ada proses *sulh* atau mediasi sentiasa menjadi pilihan pihak-pihak yang bertelingkah demi mencapai tujuan jalan penyelesaian.

Walaupun bagaimanapun, kaedah *sulh* dan mediasi mempunyai perbezaan yang akan memberi kesan kepada pihak-pihak sebelum memilih salah satu jalan atau kaedah alternatif penyelesaian ini. Antara perbezaan yang ketara bagi proses *sulh* dan mediasi adalah keterikatan pihak-pihak setelah perjanjian persetujuan direkodkan di mahkamah. Bagi proses *sulh*, walaupun setelah direkodkan dan mendapat perintah perjanjian persetujuan, pihak-pihak masih boleh membuat semakan dan rayuan terhadap perintah tersebut sekiranya terdapat ketidakpuasan atau tiada persetujuan terhadap sebahagian atau keseluruhan perintah tersebut. Semakan atau rayuan boleh diubah di mahkamah yang lebih tinggi atau Mahkamah Rayuan Syariah (Ahmad Amir Mustaqim, 2024).

Namun begitu, berbeza dengan proses mediasi yang mana setelah perjanjian persetujuan telah direkodkan di mahkamah, maka pihak-pihak terikat untuk mematuhi segala perkara yang telah ditandatangani di dalam perjanjian persetujuan tersebut. Sekiranya terdapat pihak yang tidak mematuhi persetujuan tersebut, maka pihak yang melanggar persetujuan tersebut dianggap tidak mematuhi dan menghormati perjanjian persetujuan yang telah dilaksanakan. Malah kegagalan pihak lain dalam mengikutinya segala Perintah Penghakiman tersebut boleh mendapatkan perintah ingkar atau didakwa atas kesalahan menghina mahkamah (Muhammad Amrullah, Muhamad Helmi, Nurin Athirah 2024).

Selain itu, keterlibatan pihak-pihak dalam majlis *sulh* berbeza dengan mediasi yang mana akan turut mempengaruhi pihak-pihak dalam majlis pengantaraan tersebut. Hal ini kerana, majlis *sulh* perlu dihadiri oleh Pegawai *Sulh* dan juga pihak-pihak yang terlibat sahaja. Majlis *Sulh* tidak membenarkan mana-mana orang ketiga atau orang luar mendengar atau boleh mempengaruhi keputusan pihak-pihak. Malah majlis *sulh* ini juga diadakan dalam majlis yang tertutup menyebabkan prinsip *sulh* iaitu kerahsiaan terjaga rapi demi menfokuskan untuk mencapai matlamat dan tujuan Majlis *Sulh* diadakan. Namun, perkara ini berbeza dengan sesi mediasi yang mana pada peringkat mediasi dijalankan, Mahkamah Sivil membenarkan mana-mana peguam turut melibatkan diri dalam ikut serta bersama pihak-pihak terbabit dalam sesi pengantaraan mediasi. Malah di Mahkamah Sivil, peguam-peguam yang telah dilantik turut sama-sama membantu dalam membuat penyediaan deraf dokumen persetujuan (Hendun, Norfadhilah, Norsuhaida, Adzidah & Mustafa 'Afifi, 2022). Perkara ini secara tidak langsung akan turut memberi kesan khususnya dalam proses penderafan penyelesaian persetujuan bagi pihak-pihak yang mana pihak peguam turut melibatkan diri dalam membuat penderafan tersebut.

Pemakaian penyerahan notis saman kepada pihak-pihak terhadap penglibatan dalam Majlis *Sulh* ini bertujuan untuk membezakan dengan Majlis *Sulh* dengan khidmat kaunseling di Jabatan Agama Islam. Perkara ini turut membezakan majlis *sulh* dengan mediasi yang mana sesi pengantaraan mediasi merupakan inisiatif pihak-pihak sahaja. Majlis *Sulh* berada di bawah peringkat di mahkamah yang melibatkan Pegawai *Sulh* iaitu pegawai mahkamah dalam menjalankan Majlis *Sulh* yang menyebabkan kewajipan pihak-pihak untuk menghadiri Majlis *Sulh*. Ketidakhadiran pihak dalam Majlis *Sulh* boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah kesalahan penghinaan mahkamah. Namun mediasi tidak

termasuk dalam mana-mana prosiding di mahkamah menyebabkan pihak-pihak boleh pada bila-bila masa dalam ingin menjalankan sesi mediasi. Perkara ini secara tidak langsung telah melepaskan diri pihak yang tidak hadir dalam sesi mediasi dan tiada tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas ketidakhadiran pihak yang terlibat (Mohamad Ridzuan, 2009).

Perkara tersebut akan memberi kesan secara tidak langsung dalam proses penderafan perjanjian penyelesaian yang mana pihak yang tidak hadir dalam sesi mediasi akan menyebabkan sesi mediasi terpaksa ditangguhkan pada waktu yang lain dan akan turut memberi kesan kepada pihak yang menuntut. Perbezaan keterlibatan pihak-pihak tersebut juga akan memberi kesan dengan keterlibatan peguam semasa dalam sesi pengantaraan sewaktu melakukan proses penderafan perjanjian penyelesaian yang mana para peguam akan turut membantu dalam membuat sesi penderafan dalam mencapai satu penyelesaian.

### ***Kaedah Dan Amalan Merekodkan Penghakiman Persetujuan Majlis Sulh***

Proses merekodkan penghakiman persetujuan yang dicapai melalui *Majlis Sulh* dijalankan setelah *Majlis Sulh* yang dipengerusikan oleh Pegawai *Sulh* berakhir dengan pihak-pihak berjaya menamatkan *Majlis Sulh* tersebut dengan penyelesaian tuntutan atau permohonan (*melibatkan sesetengah negeri seperti Terengganu dan Kedah*) (Hasnizam, Maizatul Farishah & Norman Zakiyy, 2021). Sebarang persetujuan yang dicapai secara sebahagian atau keseluruhannya akan dibawa di hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai perintah Mahkamah (Hadenan, Ahmad Shah & Zaenudin, 2023). Persetujuan yang dicapai hendaklah diderafkan dalam bentuk Deraf Persetujuan (Perjanjian Penyelesaian) yang dibuat oleh Pegawai *Sulh* itu sendiri dan ditandatangani oleh pihak-pihak. Deraf persetujuan ini akan dibawa ke hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Mahkamah sesuai dengan Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah di negeri-negeri sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001, kaedah 12(2) Kaedah-Kaedah Tatacara Mal *Sulh* Terengganu 2014, dan Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004.

Daripada peruntukan-peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa apa-apa penyelesaian atau persetujuan yang dicapai bersama pihak-pihak di dalam *Majlis Sulh* akan dibawa ke hadapan Hakim yang berbidangkuasa untuk direkodkan sebagai satu perintah. Proses merekodkan ini adalah penting bagi menjadikan perjanjian persetujuan yang dicapai oleh pihak-pihak mengikat pihak-pihak tersebut secara undang-undang. Perjanjian penyelesaian yang hanya sampai di peringkat *Majlis Sulh* sahaja tanpa direkodkan oleh mahkamah sebagai perintah adalah tidak membawa apa-apa kesan undang-undang kepada mana-mana pihak jika ia dilanggar atau tidak dipatuhi.

Berdasarkan Seksyen 131 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998, penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak, termasuklah *sulh*, boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa. Perkara ini juga diperuntukkan di dalam enakmen tatacara mal negeri-negeri lain seperti di dalam Seksyen 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, Seksyen 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 dan Seksyen 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Secara praktisnya, perkara ini turut diperakui dan menjadi amalan-amalan Pegawai *Sulh* untuk menderaf Perjanjian Persetujuan pada mana-mana peringkat kes sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim Mahkamah (Ahmad Amir Mustaqim, 2024). Selain daripada peruntukan di dalam kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) di negeri-negeri, terdapat juga beberapa Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berkaitan dengan Proses merekodkan persetujuan yang dicapai melalui *Majlis Sulh*. Antaranya ialah Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006, Arahan Amalan No. 6 Tahun 2008 dan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015.

Berdasarkan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006 hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan. Seterusnya, dalam Arahan Amalan No. 6 Tahun 2008, dijelaskan perkara berhubung kehadiran pihak-pihak di hadapan Hakim semasa perintah persetujuan dibuat, arahan amalan ini menjelaskan bahawa "*mana-mana pihak yang telah mencapai apa-apa pengakuan atau persetujuan bagi menyelesaikan kes mereka, hendaklah hadir ke hadapan Mahkamah semasa perintah persetujuan tersebut direkod dan disahkan oleh Mahkamah.*"

Berdasarkan Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015 berhubung kehadiran salah satu pihak di hadapan Hakim semasa perintah persetujuan dibuat, dijelaskan bahawa “*perjanjian penyelesaian yang ditandatangani di hadapan pegawai Sulh hendaklah direkodkan di mahkamah sebagai perintah persetujuan dengan kehadiran pihak-pihak. Pihak yang tidak hadir hendaklah mengendorskan persetujuannya di hadapan hakim di mana-mana mahkamah Syariah*”.

Dalam perkara merekodkan Perjanjian Persetujuan, Pegawai *Sulh* masih tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi, 2022). Hakim Mahkamah Rendah Syariah tidak boleh merekodkan apa-apa perkara di dalam Perjanjian Persetujuan atau *Sulh* yang termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah seperti kes tuntutan hak penjagaan anak-anak, harta sepencarian dan sebagainya. Perkara ini disokong dengan Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM iaitu Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005 berhubung Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan *Sulh* dan Persetujuan Bersama. Arahan Amalan ini menjelaskan bahawa “*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah merekodkan apa-apa terma Persetujuan Bersama dan / atau Sulh tetapi tidak boleh mengendorskan dalam kes-kes yang mana bidangkuasanya adalah termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah*”.

Penghakiman perjanjian persetujuan yang dicapai melalui Majlis *Sulh* akan disahkan oleh Hakim yang berbidangkuasa. Bagi Tuntutan Harta Sepencarian (subseksyen 23 (10)(b) & subseksyen 122 EUUKIS 2003) dan Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) (subseksyen 82 EUUKIS 2003) adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Sementara Tuntutan Mut'ah (subseksyen 58 EUUKIS 2003), Tuntutan Nafkah Iddah (subseksyen 66(1) EUUKIS 2003), Tuntutan Tunggakan Nafkah (subseksyen 70(1) EUUKIS 2003), Tuntutan Nafkah Anak (Subseksyen 74 (1) EUUKIS 2003), Tuntutan Nafkah Isteri dan beberapa yang lain adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, t.t.). Penentuan bidang Kuasa ini adalah dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Contohnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah Seksyen 62(2) (b) menetapkan:-

*Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—*

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).*

Arahan-arahan Amalan ini boleh memberi satu panduan kepada Pegawai *Sulh* atau hakim Mahkamah Rendah Syariah khususnya berhubung amalan merekodkan penghakiman perjanjian persetujuan.

Sebelum Pegawai *Sulh* membawa apa-apa perjanjian persetujuan ke hadapan hakim yang berbidangkuasa, adalah menjadi satu kewajipan untuk Pegawai *Sulh* itu memastikan perjanjian yang dibuat itu adalah menepati hukum syarak. Hal ini kerana, perkara pertama yang dipastikan hakim sebelum apa-apa perjanjian direkodkan ialah yang sama ada perjanjian itu dibuat selari dengan hukum syarak ataupun tidak. Perkara Hukum syarak ini tidak dimasukkan ke dalam ke semua kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) di negeri-negeri. Ada sesetengah negeri menyebut mengenai hukum syarak ini dan ada sesetengah kaedah *sulh* di negeri-negeri tidak menyebutkan soal hukum syarak ini.

Sebagai contoh, Soal Hukum Syarak ini dijelaskan di dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Mal *Sulh* Terengganu 2014 di bawah kaedah 12(3) iaitu “Pegawai *Sulh* hendaklah memastikan bahawa Perjanjian Penyelesaian itu tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan undang-undang yang berkaitan”. Contoh lain, di negeri Kedah, di bawah Kaedah 12(2), Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Kedah 2018, dijelaskan bahawa “Pegawai *Sulh* hendaklah memastikan bahawa perjanjian penyelesaian itu tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan mana-mana undang bertulis yang berkaitan”.

Sesetengah negeri tidak menyebut soal ini di dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) mereka sebagai contoh Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 dan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004.



Isu berkenaan bertentangan dengan Hukum Syarak ini dapat kita perhatikan dalam kes Mohamad Ariff bin Ali v Siti Nor Aslinah Lim Li Ming (2017) 4 ShLR 75, yang mana dalam kes ini, Mahkamah telah menolak permohonan pengkomitan Pemohon kerana Perjanjian Persetujuan tersebut bertentangan dengan Hukum Syarak. Disebabkan anak pertama pasangan tersebut merupakan anak tak sah taraf, dan setelah meneliti Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan serta Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Mahkamah meletakkan hak jagaan anak pertama kepada pihak Responden (ibu). Oleh yang demikian, Perjanjian Persetujuan tersebut dibatalkan kerana menyalahi Hukum Syarak.

### ***Isu-Isu Berhubung Penghakiman Perjanjian Persetujuan Daripada Majlis Sulh***

#### **A. Samada Pihak-Pihak Memahami Kesan Penghakiman Perjanjian Persetujuan Daripada Majlis Sulh**

Isu pertama adalah berhubung dengan pemahaman pihak-pihak tentang kesan penghakiman perjanjian persetujuan yang dibuat di depan hakim bicara yang berbidang kuasa.

Pegawai *Sulh* yang mempengerusikan Majlis *Sulh* tersebut akan memaklumkan dan menjelaskan kepada pihak-pihak tentang prosedur yang berkaitan dengan Majlis *Sulh* tersebut termasuklah penjelasan mengenai kesan-kesan daripada penghakiman Perjanjian persetujuan yang dicapai di dalam Majlis *Sulh* setelah ia direkodkan di hadapan Hakim sebagai satu perintah (Ahmad Amir Mustaqim, 2024). Hal ini sesuai dengan apa yang termaktub di dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Terengganu) 2014 yang mana disebut di bawah tajuk pelaksanaan Majlis *Sulh* bahawa Pegawai *Sulh* memaklumkan pihak-pihak semasa kenyataan awal Pegawai *Sulh* berkenaan tentang prosedur yang dipakai.

Dalam kes Tauran bin Abdul Hamid v Junaida bt Isa [2012] 1 SHLR 76, Plaintiff dan Defendan (waris-waris simati-simati) kedua-duanya telah bersetuju untuk membahagikan aset-aset (Harta Sepencarian) simati-simati yang tertinggal diselesaikan dan dibahagikan menurut sebagaimana penghakiman persetujuan (*Sulh*) di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu. Hakim menyatakan tindakan defendan menyetujui tuntutan plaintiff ini dalam menyelesaikan tuntutan plaintiff adalah menepati dengan pengertian *sulh* mengikut hukum syarak. Hakim turut merujuk kepada Surah an-Nisa' ayat 128 yang bermaksud: "... kerana perdamaian itu lebih baik..." Islam menggalakkan *sulh* atau perdamaian atau persetujuan bersama dalam usaha menyelesaikan pertikaian atau menghentikan pergaduhan. Penyelesaian secara *sulh* di antara pihak-pihak yang bertikai adalah menepati keadilan, oleh kerana kedua-dua pihak lebih mengetahui apakah yang masing-masing sepatutnya lebih berhak jika dibandingkan dengan tuntutan yang dibuat dalam satu-satu dakwaan.

#### **B. Samada Perjanjian Persetujuan Itu Akan Mengikat Pihak-Pihak Secara Undang-Undang**

Seterusnya, berdasarkan amalan di Mahkamah Syariah, apa-apa persetujuan yang dicapai oleh pihak-pihak di dalam Majlis *Sulh* akan diderafkan oleh Pegawai *Sulh* untuk ditandatangani oleh pihak-pihak tidak akan mengikat pihak-pihak tersebut kecuali ianya sudah dibawa ke hadapan hakim untuk disahkan dan dijadikan sebagai satu perintah. Hal ini menjelaskan bahawa, perjanjian persetujuan itu tidak akan mengikat pihak-pihak secara undang-undang walaupun perjanjian persetujuan itu dibuat secara hitam putih ataupun bertulis. Perjanjian persetujuan yang belum diendorskan kepada mahkamah untuk dijadikan sebagai satu perintah boleh ditarik balik oleh mana-mana pihak yang terlibat (Hammad, Mohamad Azhan, 2016).

Penarikan balik persetujuan oleh mana-mana pihak yang bertikai sebelum perjanjian persetujuan itu dijadikan sebagai satu perintah oleh hakim bicara adalah perkara yang biasa berlaku di Mahkamah Syariah. Contohnya, amalan di Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, kebiasaannya proses untuk mendapatkan satu penghakiman terhadap perjanjian persetujuan yang diperoleh melalui Majlis *Sulh* akan dilaksanakan pada hari yang sama dengan hari Majlis *Sulh* tersebut berlangsung (Ahmad Amir Mustaqim, 2024). Suatu perintah penghakiman persetujuan yang sudah disahkan oleh hakim sebagai satu perintah akan secara langsung mengikat pihak-pihak dan boleh menjadi satu kesalahan apabila

perintah tersebut dilanggar oleh mana-mana pihak yang terlibat khususnya bagi pihak defendan. Mana-mana pihak yang melakukan pelanggaran terhadap perintah penghakiman persetujuan yang dicapai melalui Majlis *Sulh* boleh dikenakan tindakan prosiding komital sama seperti pelanggaran terhadap perintah yang dikeluarkan oleh hakim melalui proses perbicaraan atau litigasi.

Dalam kes *Nony bt Ismail @ Abdul Wahab v Zubir bin Embong [2014] 1 SHLR 77*, pihak Responden telah mengingkari penghakiman persetujuan pada tahun 1998 antara beliau dengan pemohon, dan tiada alasan yang munasabah dikemukakan kepada mahkamah mengenai tindakan pengingkarannya. Ianya hanyalah sebuah tindakan afterthought dan merupakan alasan oleh pihak Responden semata-mata. Dalam memutuskan kes ini, Hakim telah meneliti dalil serta otoriti bagi menjawab isu-isu mengenai pengingkaran perintah mahkamah. Mahkamah berpendapat bahawa penghakiman persetujuan bertarikh 28 Jun 1998 di antara pihak-pihak adalah termasuk dalam konsep *sulh* atau perdamaian iaitu penyelesaian secara baik antara kedua-dua pihak yang bertikai. *Sulh* disyariatkan di dalam hukum syarak berdasarkan firman Allah Taala di dalam surah al-Nisa' (4): 128: *“Dan sulh/perdamaian itulah yang baik.”* Mengikut Arahan Amalan No 5 Tahun 2006, kesan perjanjian persetujuan *sulh* adalah ianya tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat selepas perjanjian tersebut diperintahkan oleh mahkamah. Oleh yang demikian, mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa pihak responden telah gagal mengemukakan alasan yang munasabah kepada mahkamah di mana beliau telah sengaja ingkar penghakiman persetujuan bertarikh 28 Jun 1998. Hakim telah memerintahkan Responden membayar jumlah mut'ah, nafkah dan iddah yang tertunggak kepada Pemohon. Sekiranya Responden gagal membayar tuntutan-tuntutan ini, Responden boleh dikomitkan ke penjara selama satu bulan.

Bila mana salah satu pihak merasakan pihak lagi satu ada melanggar apa-apa yang termaktub di dalam perintah penghakiman, maka tindakan yang boleh diambil ialah dengan cara menguatkuasakan perjanjian tersebut. Penguatkuasaan perjanjian ialah satu pilihan yang biasanya diambil oleh pihak yang membuat aduan terhadap pelanggaran perintah penghakiman. Tindakan ini tidak melalui Majlis *Sulh*, malah terus kepada perbicaraan di hadapan hakim. Proses ini difahamkan sama sahaja seperti prosiding komital (Ahmad Amir Mustaqim, 2024).

### **C. Samada Perintah Penghakiman yang Diperoleh Secara *Sulh* ini Boleh Dirayu atau Dibuat Semakan Kehakiman**

Seteusnya menjawab persoalan mengenai samada perintah penghakiman yang diperoleh secara *sulh* ini boleh dirayu atau dibuat semakan kehakiman. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, perintah penghakiman persetujuan adalah mengikat pihak-pihak sejurus selepas ia diberi penghakiman oleh mahkamah. Maka, perintah persetujuan ini tidak boleh ditarik balik ataupun dirayu melainkan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Apa-apa rayuan terhadap perintah penghakiman adalah tidak dibenarkan kerana ianya adalah bercangah prinsip res judicata. Prinsip res judicata ini telah menjelaskan bahawa apabila apa-apa keputusan telah dibuat oleh mahkamah yang kompeten, maka, ianya tidak boleh dibicarakan sekali lagi oleh mana-mana mahkamah dalam kausa tindakan yang sama selepas itu sama ada di Mahkamah Syariah atau Sivil. Hal ini jelas termaktub di dalam Seksyen 94 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998:

*“Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan terma-termannya dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan dengan cara res judicata dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya sama”.*

Arahan Amalan No. 14 Tahun 2002 juga menjelaskan prinsip res judicata dalam Arahan Amalan ini menyebut apa-apa keputusan kes atau isu yang sama oleh pihak-pihak yang sama yang dikeluarkan terdahulu oleh mahkamah sesebuah negeri hendaklah dihormati oleh semua peringkat mahkamah di negeri lain. Namun, bagi kes di mana kedua-dua belah pihak bersetuju untuk membuat rayuan, tidak timbul isu ketidakadilan kepada mana-mana pihak memandangkan kedua-duanya bersetuju. Maka mahkamah akan mempertimbangkan rayuan tersebut. Namun, bagi kes-kes yang melibatkan soal ketidakadilan, mana-mana pihak boleh untuk membuat semakan kehakiman terhadap perintah

penghakiman tersebut walaupun tidak mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak. Semakan kehakiman terhadap perintah-perintah penghakiman adalah dibenarkan bagi tujuan menegakkan keadilan mana-mana pihak (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi, 2022).

Merujuk kepada Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014, *semakan kehakiman yang ingin dikemukakan kepada mahkamah yang lebih atas perlulah diasaskan kepada perkara-perkara teknikal yang melibatkan prosedur*. Dalam kes Dato' Abu Khalil Akasah v Nik Rahimah Wan Ahmad [2010] 1 CLJ (SYA), meskipun telah wujud Perintah Persetujuan antara pihak Pemohon dan Responden, Pemohon telah membuat permohonan untuk membuat semakan terhadap perenggan 1(a) Perintah/Penghakiman oleh Mahkamah Tinggi Syariah kerana dikatakan wujudnya unsur-unsur frod dan tidak adil ketika menandatangani perjanjian tersebut. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah memberikan pengertian mengenai semakan, yang mana, bagi permohonan semakan dimulakan terhadap sesuatu keputusan atas kesilapan yang dilakukan oleh Hakim Bicara yang bersifat teknikal seperti kesilapan penulisan, kesilapan nas dan hukum Syara' serta kesilapan peruntukan undang-undang yang perlu diperbaiki dengan kadar segera oleh Mahkamah yang lebih tinggi. Semakan itu boleh dibuat oleh hakim bicara itu sendiri setelah menyedari kesilapan yang dilakukan, mahupun oleh pihak-pihak yang terlibat. Panduan semakan ialah merujuk kepada Arahan Amalan No. 13 Tahun 2003 yang mana dijelaskan bahawa Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah. Permohonan semakan boleh dibuat ke atas kes mal atau jenayah sama ada kes yang dalam prosiding atau yang telah diputuskan; Permohonan semakan kes oleh pihak-pihak hendaklah dibuat melalui Notis Permohonan bersama dengan Affidavit kecuali permohonan oleh Hakim Syarie; Pihak-pihak yang menerima keputusan dan mempunyai hak merayu adalah tidak digalakkan memohon semakan. Merujuk Arahan Amalan No. 4 Tahun 2004, setiap hakim ditegah daripada mengubah mana-mana perintah yang telah di buat oleh beliau dan mana-mana hakim yang berhasrat untuk mengubah keputusannya tersebut hendaklah memanjangkannya ke Mahkamah yang lebih tinggi untuk semakan. Dalam kes ini, Mahkamah telah menolak permohonan semakan pemohon.

#### **D. Samada Penghakiman Persetujuan daripada Majlis Sulh Boleh Diubah Perintah**

Berhubung tuntutan untuk mengubah Perintah Persetujuan pula, mana-mana pihak boleh untuk membuat tuntutan ini bagi kes-kes seperti tuntutan mengubah perintah nafkah anak/isteri/lain-lain dan tuntutan mengubah perintah hak jagaan anak. Tuntutan mengubah perintah anak ini perlu melalui Majlis *Sulh* semula dan perbincaraan bagi kes yang melibatkan salah satu pihak tidak bersetuju (Ahmad Amir Mustaqim, 2024).

Dalam kes NABA @ CPY v ABK [2022] 1 SHLR 1, pihak-pihak telah bersetuju dan memperoleh satu keputusan berkaitan hadhanah dan lawatan anak tersebut melalui satu penghakiman persetujuan bertarikh 27 November 2014. Namun begitu, perayu telah memfailkan permohonan untuk mengubah penghakiman persetujuan tersebut untuk mengubah bentuk dan hak lawatan yang telah diberikan kepada responden iaitu berkaitan hak lawatan harian dan hak lawatan dan bermalam bagi hujung minggu, dua hari raya dan cuti-cuti biasa (cuti pendek). Hakim telah meneliti sama ada terdapat perubahan matan yang memaksa pihak perayu untuk mengubah perintah sedemikian dan kedudukan Perintah Persetujuan yang telah dipersetujui pihak-pihak dari awal. Apa-apa persetujuan yang telah direkodkan sebagai Penghakiman Persetujuan selaras dengan seksyen 131 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 adalah mempunyai kesan dan sifat seperti perintah lain dan ia bukan lagi sebagai suatu perjanjian. Sesuatu persetujuan yang telah diendorskan sebagai Penghakiman Persetujuan adalah tertakluk kepada Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 5 Tahun 2006. Meskipun Seksyen 77 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 menyatakan Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah syarat-syarat sesuatu perjanjian berhubung dengan penjagaan atau nafkah seseorang anak, sama ada perjanjian itu dibuat sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan, namun dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa anak tersebut telah memasuki umur mumaiyiz yang mempunyai hak untuk membuat pilihan untuk tinggal sama ada dengan ibu atau bapanya. Maka, Mahkamah telah menolak rayuan perayu setelah meneliti sebab-sebab rayuan perubahan tersebut.

### ***Cadangan Atau Penambahbaikan Terhadap Amalan Penderafan Perjanjian Persetujuan Sulh***

Keberkesanan pelaksanaan *sulh* di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diperolehi melalui peratusan yang tinggi kes berjaya diselesaikan melalui pendekatan *sulh*. *Sulh* juga mampu mengurangkan kes-kes tertanggung yang menjejaskan reputasi (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi, 2022). Sungguhpun begitu, kita seharusnya mengenal pasti juga mengapa masih terjadi isu-isu mengenai pengingkaran perjanjian persetujuan, semakan dan rayuan terhadap perjanjian persetujuan sekiranya sesi *sulh* berjaya. Perkara ini semestinya mempunyai hubungkait dengan penderafan.

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh diutarakan terhadap amalan penderafan perjanjian persetujuan *sulh* adalah memastikan pihak-pihak berada dalam keadaan selesa dan benar-benar faham dengan sebab dan akibat daripada perjanjian tersebut. Seperti yang telah diterangkan pada bahagian-bahagian sebelum ini, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015 turut menyarankan supaya pihak-pihak menyemak deraf sebelum menandatangani. Hal ini demikian kerana proses semakan ini boleh dianggap sebagai '*due diligence*' oleh pihak-pihak supaya tidak timbul sebarang isu di kemudian hari. Berdasarkan perkara ini, adalah penting untuk pegawai *sulh* menekankan persetujuan yang dibuat ini adalah berdasarkan persetujuan pihak-pihak berkenaan.

Seperti yang dinyatakan pada bahagian atas perbincangan kertas kerja ini, penulis ada membezakan perihal Majlis *Sulh* dan Mediasi. Dalam sesi Mediasi, peguam-peguam boleh turut sama dalam sesi tersebut. Ini secara tak langsung boleh meningkatkan kefahaman pihak-pihak dalam membuat keputusan. Sungguhpun begitu, proses Mediasi akan mengambil masa yang lama. Manakala bagi sesi *sulh*, peguam syarie pihak-pihak (sekiranya ada) tidak boleh langsung terlibat dalam sesi *sulh*. Sekiranya diberi kelonggaran kepada peguam syarie untuk turut serta dalam Majlis *Sulh*, kemungkinan sesi penderafan akan lebih efisien memandangkan pemahaman pihak-pihak lebih tinggi.

Inisiatif lain yang boleh dilakukan adalah sikap profesional Pegawai *Sulh* dalam menangani sekiranya pihak-pihak cenderung untuk menjadi agresif ketika Majlis *Sulh*. Sikap agresif pihak-pihak sehingga menjadi ancaman keselamatan kepada Pegawai *Sulh* juga menjadi satu isu dan cabaran yang perlu dihadapi. Pihak-pihak seharusnya berfikiran terbuka dan berlapang dada dalam membuat perbincangan dalam Majlis *Sulh* agar kedua-dua pihak mendapat penyelesaian secara kerjasama, toleransi dan adil (Suhaizad, Nurul Fadhlina & Nurulakmar, 2023). Latihan secara berkala perlu dijalankan oleh Pegawai *Sulh* secara konsisten oleh peringkat negeri dan persekutuan dalam mewujudkan Pegawai *Sulh* yang berkaliber dan berintegriti (Ahmad Amir Mustaqim, 2024).

Seperti yang dirujuk dalam kes Mohamad Ariff bin Ali v Siti Nor Aslinah Lim Li Ming yang dibincangkan di atas, untuk mengelakkan daripada Perjanjian Persetujuan menjadi terbatal disebabkan oleh pelanggaran Hukum Syarak, Pegawai *Sulh* seharusnya menyelidik latar belakang pihak-pihak sebelum menderaf Perjanjian Persetujuan tersebut. Meskipun, Pegawai *Sulh* hanyalah bertindak sebagai pihak ketiga bagi membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain, Pegawai *Sulh* tetap berperanan besar dalam memastikan Perjanjian Persetujuan yang telah dipersetujui bertepatan dengan syariat Islam dan Fatwa.

Selain itu, pihak Mahkamah juga perlu mewujudkan lebih banyak infografik atau poster maklumat mengenai Majlis *Sulh*. Ada sesetengah pihak berkemungkinan tidak memegang pada Perjanjian Persetujuan yang dibuat ketika Majlis *Sulh* kerana tidak tahu mengenai kesan perjanjian tersebut. Kita harus faham bahawa pihak-pihak yang hadir ke Mahkamah untuk menyelesaikan konflik dan pertelingkahan ini datang dari pelbagai latar belakang, dan ada di antara mereka yang belum dan tidak betul-betul faham mengenai kesan perjanjian tersebut seharusnya mengikat pihak-pihak.

### **Kesimpulan**

Pelaksanaan Majlis *Sulh* telah menunjukkan hasil yang positif terhadap pengurusan penyelesaian pertikaian kes-kes matrimonial sebagai suatu kaedah penyelesaian yang terbaik tanpa melibatkan proses litigasi mahkamah (Suhaizad, Nurul Fadhlina & Nurulakmar, 2023). Penyelesaian kes di Mahkamah Syariah amat bergantung kepada kemahiran dan kompetensi Pegawai *Sulh* yang mengendalikan Majlis *Sulh* berdasarkan kepada prosedurnya yang formal (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi Sulaiman,

2022). Di sebalik pelaksanaan Majlis *Sulh*, terdapat isu dan cabaran yang perlu dihadapi terutamanya melibatkan penderafan Perjanjian Persetujuan bagi kes *sulh* yang berjaya.

Undang-undang sedia ada memperuntukkan bahawa Perjanjian Penyelesaian yang dimuktamadkan di akhir Majlis *Sulh* tidak mengikat pihak-pihak sehingga perjanjian tersebut direkodkan sebagai Penghakiman Persetujuan di hadapan Hakim yang berbidangkuasa untuk mendengar kes tersebut. Tambahan, Perjanjian Penyelesaian yang dimasukkan perlulah tidak melanggar Hukum Syarak dan Penghakiman Persetujuan perlulah direkodkan dengan teliti dan mengikut kaedah-kaedah yang diperuntukkan bagi mengelakkan isu-isu berbangkit. Walaubagaimanapun, pihak-pihak boleh membuat rayuan atau semakan kehakiman terhadap Penghakiman Persetujuan terutamanya terdapat isu ketidakadilan dan pelanggaran kaedah-kaedah semasa Penghakiman direkodkan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa Perjanjian Persetujuan meskipun kelihatan muktamad setelah diendorskan oleh Mahkamah, perlu diambil kira bahawa ianya tetap mempunyai ruang untuk dibahaskan oleh mana-mana pihak pada waktu-waktu materi yang mendatang. Sekiranya ia berlaku, pihak-pihak harus bersedia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengangkat kedudukan Perjanjian Persetujuan yang telah dipersetujui, seperti termaktub dalam Arahan Amalan No. 5 Tahun 2006 mengenai kesan perjanjian persetujuan *sulh* adalah ianya tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat selepas perjanjian tersebut diperintahkan oleh mahkamah, melainkan Perjanjian Persetujuan tersebut melangkaui Hukum Syarak.

## Penghargaan

Sebesar-besar penghargaan kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang kerana menaja pembentangan dan penerbitan prosiding ini.

## Rujukan

Al-Quran

Abd Rahman Shah, H., Mohd Ali, N., Che Musa, N., Yaakob, A., & Mustafa 'Afifi Ab Halim. (2022).

*Sulh* dan Mediasi Dalam Talian dalam Konflik Kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan Cabaran Norma Baharu. *Ulum Islamiyyah*, 34(3), 70–80.  
<https://doi.org/10.33102/uij.vol34no3.490>

Ahmad Kusain, A.A.M. (2024, Jun 4). Amalan *Sulh* di JKSTR, Terengganu. (Hanis Syahirah, Yasmin , Intan Shafinaz, Aina Zafirah, & Nurul Izzati, Penemu duga)

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

Al-Sheikh al-Khatib al-Syarbini. (n.d). *Mughni al-Muhtaj* (Jld. 6). Kaherah: al- Maktabah al-Taufiqiah, hlm. 307

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006

Arahan Amalan No 5 Tahun 2006

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2008

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005

Arahan Amalan No. 14 Tahun 2002

Azhari, R. (2008). *Sulh* dalam Kes kekeluargaan Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Dato' Abu Khalil Akasah v Nik Rahimah Wan Ahmad [2010] 1 CLJ (SYA)

Drs Nasrul, M.A., Md. Said, M.H. & Mohd Alam Shah, N.A. (2024). Peranan Dan Cabaran Pusat Mediasi Mahkamah Dalam Penyelesaian Kes Pertikaian Di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 133. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no7)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001

Hashim, H., Mohd Mokhtar, M.F., Chow Jen T'chiang. N.Z. (2021). Mekanisme Pelaksanaan Majlis *Sulh* Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"* (hlm 451-466). Negeri Sembilan. USIM

HR. Bukhari dan Muslim. [HR. Bukhari, no. 2459, 3178 dan Muslim, no. 58]

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat.

Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Kedah 2018

Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001

Kaedah-Kaedah Tatacara Mal *Sulh* Terengganu 2014

Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004

Manual Kerja *Sulh*. (t.t). Didapatkan dari Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

<https://jakess.gov.my/images/pdf/hakam/sulh.pdf>

Mohamad Ariff bin Ali v Siti Nor Aslinah Lim Li Ming (2017) 4 ShLR 75

Mohamad Dahalan, H. & Yahya, M.A. (2016). Perjanjian *Sulh* Di Antara Pihak-Pihak Bertikai Di Mahkamah Syariah Sebagai Pilihan Atau Persetujuan Yang Perlu Dipatuhi?. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference* (hlm 254-261). Selangor. KUIS

Mohd Ali, S.N. & Hasan. Z. (2006). Perlaksanaan *Sulh* Dan Keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor. *Syariah and Law Discourse*, 3, 77-100

Mohd Rizal, N.K., Abdul Hamid, M. & Noor Inayah. (2017). Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 2(1), 95

Mohd Sabri, M.N.A. & Ab Hamid, N.A. (2021). *Sulh* Dan Perdamaian: Aplikasinya Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(24), 76-83

NABA @ CPY v ABK [2022] 1 SHLR 1

Nony bt Ismail @ Abdul Wahab v Zubir bin Embong [2014] 1 SHLR 77

Saifuddin, S., Che Daud, N.F. & Mohamad Hilmi, N. (2023). *Sulh* Sebagai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif Di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan: Analisis Pelaksanaan Dan Keberkesanan. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSAL 2023)* (hlm 100). Selangor. UIS

- Sulh*. (2021). Didapatkan dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang:  
<https://jksnpp.penang.gov.my/images/2021/SULH.pdf>
- Tauran bin Abdul Hamid v Junaida bt Isa [2012] 1 SHLR 76
- Towpek, H., Affandie, A.S & Hudi Prasajo, Z. (2023). Amalan Pengurusan *Sulh* Di Jabatan Kehakiman Syariah. *Journal of Shariah Law Research*, 8(1), 1-32.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/44944>
- Wan Adnan, W.A., Buang, A.H. & Sulaiman, Z. (2022). Pemerkasaan pelaksanaan *sulh* dalam kes-kes hartanah melalui pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(2), 345-371. <https://doi.org/10.32890/uumjls2022.13.2.14>
- Zainudin, M. R. (2009). Antara *Sulh* Dan Mediasi Yang Mana Dekat Dihati. *Muzakarah Pegawai-Pegawai Sulh Seluruh Malaysia (Kali Pertama)* (hlm. 9). Selangor. JKSS